

KPJ mampu kekal pencapaian kewangan

Syarikat giat kembangkan operasi melalui pengambilalihan, pelbagaikan strategi pelaburan

Analisis SAHAM

Oleh Ahmad Farizal Hajat
 ahmadfarizal@bharuan.com.my

KPJ Healthcare Bhd (KPJ), penyedia perkhidmatan kesihatan swasta terbesar negara, kini berada di landasan terbaik untuk mengekalkan pencapaian kewangan membebankannya. Ini susulan beberapa rancangan pengembangan syarikat itu menerusi aktiviti pengambilalihan serta kepelbagaian strategi pelaburan.

Terbaru, anak syarikat Johor Corporation (JCorp) yang bergiat dalam sektor kejuruteraan, mengambil alih Pakar Kluang Utama (PKU) pada pertengahan RM12 juta.

Menurut penganalisis saham daripada OSK Investment, Norfauzi Nasron, pembelian PPKU tidak mengejutkan kerana KPJ sebelum ini menyatakan rancangannya untuk mengambil alih beberapa pusat kesihatan (termasuk PPKU) dan hanya menunggu kelulusan.

Katanya, keupayaan pengurusan KPJ mengekalkan pertumbuhan menerusi perancangan strategik dan pelaksanaan cadangan perniagaan secara berhati-hati serta penerokaan dalam bidang perkhidmatan kesihatan melalui mengambil alih lebih banyak hospital di dalam dan luar negara, akan membolehkan ia terus merekodkan pendapatan tertinggi pada tahun mendatang.

"Kami melihat aktiviti pengambilalihan sesuatu yang positif kerana ia sejajar matlamat kumpulan itu untuk mengembangkan rangkaian hospitalnya bagi memenuhi peningkatan permintaan dalam industri perkhidmatan kesihatan swasta, terutama di bandar kecil. "Dengan pengambilalihan (PPKU) yang dijangka dapat dimuktamadkan sebelum hujung tahun ini, kami mengekalkan unjuran positif prestasi kewangan KPJ bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008. Kami menjangkakan pengambilalihan baru itu bakal menyumbang peningkatan kepada pendapatan kumpulan bermula tahun depan," katanya dalam laporan penyelidikan baru-baru ini.

KPJ, mencatatkan prestasi kewangan paling cemerlang dalam tempoh 26 tahun sejarah penubuhannya apabila merekodkan pendapatan melebihi RM1 bilion iaitu

FAKTA

Statistik saham

Modal saham terbitan (juta)	209.14
Permodalan pasaran (juta)	596.06
Nilai uku/ saham (RM)	1.97
Harga rendah/ tinggi (52 minggu)	2.85/3.70

FAKTA

Pemegang saham terbesar

Johor Corporation	50.3%
Arisaig Partners	9.2%
DWS Investments	5.18%

RM1.108 bilion pada 2007 berbanding RM815 juta pada 2006, peningkatan 33 peratus. Keuntungan sebelum cukai pula meningkat kepada RM85.3 juta daripada RM60.1 juta pada 2006, kenaikan 42 peratus. Dana pemegang sahamnya meningkat kepada RM508.8 juta, bertambah 15 peratus daripada RM442.6 juta pada 2006.

Jumlah aset kumpulan meningkat 9.3 peratus kepada RM1.2 bilion tahun lalu daripada RM1.1 bilion pada 2006.

Pengerusi KPJ, Tan Sri Muhammad Ali Hashim, baru-baru ini dilaporkan berkata keputusan itu adalah pencapaian paling positif dalam sejarah 26 tahun kumpulan.

Katanya, jumlah katil beroperasi kumpulan meningkat daripada 1,817 kepada 1,941 tahun lalu, adalah bukti menunjukkan peningkatan permintaan bagi perkhidmatan hospital swasta.

"Bilangan pesakit luar, juga meningkat daripada 1.56 juta kepada 1.73 juta dalam tempoh tahun kewangan itu," katanya.

Dalam mempelbagaikan aktiviti syarikat, KPJ memperkenalkan Al-Aqar KPJ Reit amanah pelaburan hartanah, Reit Penjagaan Kesihatan pertama Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada 10 Ogos 2006.

Ketika ini, Al-Aqar memiliki 11 aset bernilai RM651.5 juta, dan pada Ogos lalu, ia menambah sembilan lagi aset melalui pembelian daripada KPJ. Bagaimanapun, jani niaga itu akan hanya selesai akhir tahun ini.

Keseluruhan pertimbangan penjualan bagi kesemua sembilan pengambilalihan baru itu berjumlah RM392.9 juta.

Apabila proses pembelian dimuktamadkan kelak, Al-Aqar bakal mencapai saiz keseluruhan asetnya bernilai

RM1 bilion menjelang akhir tahun ini.

Sejajar reaksi positif daripada pelabur terhadap amanah pelaburan hartanah itu, KPJ kini merancang untuk menambah saiz Al-Aqar dengan menyuntik lebih banyak aset hospitalnya bagi meningkatkan nilai Reitnya dan seterusnya memperoleh tunai.

Usaha itu bakal membantu KPJ membiayai pelaburan, termasuk keperluan modal masa depan dan aktiviti pengembangan operasinya, tanpa memabihkan aset tuainya.

Muhammad Ali juga baru-baru ini menyatakan komitmen syarikat itu ke atas dana yang dikumpul daripada penjualan sembilan harta KPJ Healthcare itu kepada Al-Aqar.

Beliau dilaporkan sebagai berkata kumpulan itu akan menggunakan dana daripada penjualan itu bagi merebut beberapa peluang pelaburan strategik.

Melalui kaedah itu, katanya, ia membolehkan kumpulan mengurangkan pinjaman kepada 0.3 kali pada masa depan berbanding 0.5 kali ketika ini.

"Dengan pelaksanaan REIT ini, kumpulan boleh memberikan tumpuan kepada kegiatan terasnya iaitu perkhidmatan pengurusan hospital bagi memberi penjagaan kesihatan yang lebih baik," kata laporan yang memetik Muhammad Ali.

Tujuh hospital adalah antara aset harta terbaru yang dimasukkan dalam REIT, merangkumi Hospital Pakar Seimbang, Pusat Perubatan Taiping, Hospital Pakar Kota Kinabalu, Hospital Pakar Bukit Mertajam, Bangunan Baru Hospital Pakar KPJ Tawakal, Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang dan Kolej Kejururawatan dan Kesihatan Antarabangsa PNC di Nilai.


Mengulas lanjut, penganalisis itu berkata, Reit pen-



KPJ Healthcare Bhd berada di landasan terbaik untuk mengekalkan pencapaian kewangan.

FAKTA

Harga saham KPJ Healthcare Bhd



FAKTA

Analisis untung & rugi (RM juta)

Tahun kewangan berakhir 31 Dis	2006	2007	2008*	2009*	2010*
Pendapatan	831.5	1,108.0	1,298.0	1,456.0	1,619.0
EBITDA	105.6	135.3	166.9	161.6	177.9
Keuntungan sebelum cukai	60.1	85.2	116.9	131.9	148.9
Keuntungan bersih	41.3	74.2	82.8	92.8	104.4
EPS (sen)	19.9	35.8	40.0	44.8	50.4
DPS (sen)	15.0	17.0	20.0	22.4	22.5
ROE (%)	12	20	19	19	20
ROA (%)	3	4	6	7	8
Gearan bersih %	(0.63)	(0.52)	(0.16)	(0.14)	(0.12)

*Unjuran

jagaan kesihatan mempunyai masa depan cerah untuk berkembang memandangkan ia mempunyai daya tarikan tersendiri berbanding Reit komersial konvensional.

Dengan KPJ Reit, katanya, aliran pendapatan terjamin dan ia kurang berisiko memandangkan Reit penjagaan kesihatan adalah tetap.

Tambahan pula, beliau berkata, terdapat aliran meningkat yang kukuh dari segi pesakit pengambil insurans dan akan terus merangsang Reit untuk berkembang.

"Ini memberi keyakinan

kepada kami dan dengan tunai diperoleh melalui Reit, KPJ berada dalam kedudukan lebih baik untuk berkembang," kata penganalisis itu.

Bersandarkan perkembangan, penganalisis itu mengekalkan saranan 'beli' ke atas saham KPJ Healthcare dengan pengkalan harga sasaran pada RM5 (berbanding RM2.45) berdasarkan kepada 12.5 kali harga PER bagi tahun kewangan 2008.

Berbanding harga saham pusat perubatan yang setara dengannya di rantau ini, harga saham KPJ masih dinia-

gakan dalam nilai murah iaitu pada kadar 7.1 kali dalam PER tahun ini, manakala rakan serantannya yang lain diniagakan pada kadar antara 13 kali ke 25 kali nilai saham mereka.

"Unjuran ini adalah berdasarkan kepada tinjauan stabil. Ia mencerminkan kedudukan kukuh perniagaan KPJ Healthcare sebagai sebuah kumpulan hospital swasta terbesar dengan pencapaian operasi memberangsangkan, sejajar aliran positif dalam permintaan pesakit," katanya.